

DD04

U B861 DEB
MAHATHIR - UMNO R R R

KUALA LUMPUR, 3 JUN (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO MASIH MEMERLUKAN PENJELASAN SECARA RASMI DARIPADA ANGGOTA PARLIMEN JOHOR BAHRU DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD MENGENAI BEBERAPA KENYATAANNYA DI LUAR PARTI, SEBELUM MENERIMA PERMOHONAN BELIAU MENGANGGOTAI SEMULA UMNO.

PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA MT AKAN MENGHANTAR SURAT KEPADA DATUK SHAHRIR MEMINTA BELIAU MENJELASKAN BEBERAPA KENYATAANNYA SEBELUM INI.

DATUK SHAHRIR DIPERLUKAN MEMBERI PENJELASAN MENGENAI BEBERAPA DAKWAAN TERHADAP TINDAKANNYA TERMASUK KENYATAANNYA BAHAWA BELIAU AKAN TERUS BERJUANG UNTUK KUMPULAN SERPIHAN DARI DALAM UMNO DAN PENDIRIANNYA BERCAKAP MENENTANG UMNO PADA PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN KAWASAN AMPANG JAYA WALAUPUN KETIKA ITU MT TELAH MENERIMA KESEMUA RESOLUSI PERHIMPUNAN MELAYU JOHOR.

PERDANA MENTERI BERKATA MT BELUM DAPAT MEMUTUSKAN TENTANG KEDUDUKAN DATUK SHAHRIR +DISEBABKAN BEBERAPA PERKARA TERTENTU+ TERMASUK PERLUNYA BELIAU MEMBERI PENJELASAN MENGENAI BEBERAPA KENYATAANNYA SEBELUM INI.

BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MT UMNO SELAMA LEBIH TIGA JAM DI SINI, BAHAWA BEBERAPA BEKAS ANGGOTA YANG SEBELUM INI TERBABIT DENGAN KUMPULAN SERPIHAN UMNO DITERIMA SEMULA SEBAGAI ANGGOTA. -- LAGI.

1513MST 03 06 89

DD16

U B863 DEB
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

MEREKA TERMASUK ANGGOTA PARLIMEN SUNGAI BENUT ENCIK TAWFIK TUN ISMAIL; ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI ENDAU ENCIK KADRI SABRAN; ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI BANDAR TENGGARA ENCIK ADAM HAMID DAN SEORANG BEKAS ANGGOTA UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR; DAUD TARIHIP.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA INI DITERIMA MASUK PADA 31 MAC LEPAS.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA MT BERSEDIA MENERIMA SEMUA PERMOHONAN MENGANGGOTAI PARTI MELAINKAN BEBERAPA PEMOHON +YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DENGAN KEGIATAN YANG MASIH MENJADI TANDA TANYA+.

KATANYA, PERMOHONAN MEREKA ITU DIBAHAGIKAN KEPADA EMPAT KATEGORI, IAITU YANG DITERIMA PADA 31 MAC LEPAS, YANG DITERIMA PADA HARI INI, YANG DITERIMA PADA TARIKH PERMOHONAN DAN YANG PERLU DIRUJUKKAN KEPADA BAHAGIAN.

BEKAS ANGGOTA YANG DITERIMA HARI INI IALAH BEKAS ANGGOTA EXCO PEMUDA ENCIK TAJUDDIN ABDUL RAHMAN, CALON KUMPULAN SERPIHAN PADA PILIHAN RAYA KECIL PARIT RAJA DAHULU, ENCIK HAMDAN YAHYA, BEKAS ANGGOTA EXCO NEGERI SEMBILAN DATUK HAJAH KHATIMAH IBRAHIM DAN ENCIK YUSUF KASSIM. -- LAGI.

1533MST 03 06 89

DO20

U B865 DEB
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA BEKAS NAIB YANG DIPERTUA PAS HAJI NAKHAIE AHMAD DITERIMA MENJADI ANGGOTA UMNO PADA HARI BELIAU MENGEMUKAKAN PERMOHONAN.

PERMOHONAN DUA ORANG BEKAS ANGGOTA LAGI TERPAKSA DIRUJUK KEPADA BAHAGIAN UNTUK MENDAPATKAN PENJELASAN IAITU ABANG KEPADA DATUK HAJAH KHATIMAH, HAJI ZAIN IBRAHIM DAN BEKAS PENASIHAT UNDANG-UNDANG PAS ENCIK SUHAIMI SAID.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PADA MESYUARATNYA ITU MT MEMBINCANGKAN SECARA MENYELURUH MENGENAI KEDUDUKAN UMNO YANG DIANGGAP TELAH PULIH SEPENUHNYA DAN MENGESAHKAN BAHAWA BILANGAN CAWANGAN UMNO SEKARANG BERJUMLAH 9,309 BUAH BERBANDING DENGAN 8,668 CAWANGAN SEBELUM INI.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA BILANGAN ITU ADALAH SAHIF DAN TIDAK DIRAGUI KERANA KESEMUA ANGGOTA BERDAFTAR PADA PERINGKAT PUSAT.

MENGENAI USAHA MENUNTUT SEMULA HARTA UMNO LAMA DARIPADA PEMEGANG AMANAH RAYA, BELIAU MENJELASKAN BAHAWA MT MASIH BELUM MEMUTUSKAN CARA YANG SEBAIKNYA UNTUK MEMINDAHKAN SEMULA SEMUA HARTA PARTI ITU.
-- LAGI.

1541MST 03 06 89

DO22

U B866 DEB
MAHATHIR - UMNO 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MT PERLU MENGETAHUI CARA YANG SEBAIKNYA UNTUK MENDAPATKAN SEMULA HARTA ITU DEMI KEPENTINGAN PARTI DAN SATU ANALISIS YANG WAJAR MENGENAINYA PERLU DIBUAT.

KATANYA, MASALAH PEMEGANGAN HARTA YANG MELIBATKAN JUMLAH YANG BESAR OLEH PEMEGANG AMANAH RAYA ITU, TIDAK PERNAH BERLAKU DALAM SEJARAH NEGARA LEBIH-LEBIH LAGI IA TIDAK MEMPUNYAI KAKITANGAN YANG CUKUP UNTUK MENGENDALIKANNYA.

OLEH KERANA ITU MASALAH INI MENJADI MENDESAK KERANA FAEDAH AKAN MENINGKAT DAN MEMBUATKAN PEMINDAHAN SEMULA HARTA ITU MENJADI LEBIH SUKAR, KATA BELIAU. -- BERNAMA.

1544MST 03 06 89

DO27